



 www.moh.gov.bn  corp.comms@moh.gov.bn

SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**HARI AHAD
21 Syawal 1443 / 22 Mei 2022**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

- I. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa semalam, Sabtu, 20 Syawal 1443 bersamaan dengan 21 Mei 2022, sebanyak **399** dos pertama vaksin telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang membawa kepada jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada 33,575 dos iaitu **78.2%** bagi kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini. Sementara itu, sebanyak **1,147** dos kedua vaksin *COVID-19* telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang membawa kepada jumlah dos kedua yang diberikan kepada kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini kepada 15,454 dos iaitu **36.0%**. Ibubapa dan penjaga kanak-kanak berumur di

antara 5 hingga 11 tahun dan yang telah mendapatkan dos pertama serta sudah cukup masa untuk mendapatkan dos kedua adalah dialu-alukan untuk membawa anak-anak mereka mendapatkan dos kedua bagi melengkapkan vaksinasi *COVID-19* bagi kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini. Pemberian vaksin *COVID-19* kepada kanak-kanak berkenaan telah terbukti dapat memberikan perlindungan daripada kesan-kesan buruk *COVID-19* termasuk “*multisystem inflammatory syndrome in children*” (*MIS-C*) yang boleh menyebabkan komplikasi kepada pemulihan dari *COVID-19* bagi kanak-kanak.

2. Dalam pada itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan dua dos vaksin ialah **98.3%** manakala **69.5%** juga telah mendapatkan dos ketiga vaksin.

3. Hari ini, Ahad, 21 Syawal 1443 bersamaan dengan 22 Mei 2022, sebanyak **191 kes baru** telah dilaporkan iaitu 189 kes hasil ujian ART dan 2 kes adalah hasil dari 287 ujian makmal *RT-PCR* yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah **146,506** kes. Statistik harian *COVID-19* yang lain pula adalah seperti berikut:

i) **Tidak ada kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (*ICU*). Manakala **satu kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

ii) Sebanyak **285 kes telah disahkan sembuh** yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada **144,672 kes.**

- iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **1,613 kes** iaitu 12 kes sedang dirawat di hospital manakala 1,601 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.
4. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terlindung dari apa jua bencana dan wabak penyakit dan sentiasa di dalam rahmat Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aamin Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 21 Syawal 1443 / 22 Mei 2022